

BAB KEEMPAT

PROSPEK

PELAKSANAAN SISTEM

MATA

WANG DINAR

BAB 4

PROSPEK PELAKSANAAN SISTEM MATA WANG DINAR

4.1 PENDAHULUAN

Krisis ekonomi yang melanda rantau Asia bermula Mei 1997 merupakan satu masalah besar yang menjadikan rantau Asia di dalam gelombang kemiskinan akibat daripada kejatuhan nilai mata wang secara mendadak. Kejatuhan nilai mata wang berpunca daripada kegiatan para spekulator asing yang sengaja bermain dengan nilai mata wang Asia untuk mendapat keuntungan yang total. Krisis ekonomi ini bermula dengan kejatuhan nilai mata wang Baht Thailand, Peso Filipina, Dolar Singapura dan Brunei, Rupiah Indonesia, dan negara kita juga tidak ketinggalan mengalami krisis kejatuhan nilai mata wang yang teruk bermula pada bulan Julai 1997.

Krisis tersebut berlaku akibat daripada dominasi dolar AS dalam perdagangan global dan transaksi antarabangsa yang telah memesong ekonomi dunia, malah ekonomi Amerika Syarikat sendiri. Oleh yang demikian, tegas Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa perlunya ada pilihan untuk menggunakan sama ada dolar AS, euro, yen, atau emas untuk transaksi bagi melindungi negara-negara daripada bahaya manipulasi mata wang. Menurut beliau lagi:

"Perdagangan dunia sebenarnya boleh diperluaskan melalui penggunaan Dinar kerana kos perniagaan akan dikurangkan

memandangkan keperluan untuk melindungi nilai secara praktikalnya akan hilang dan tiada lagi keperluan bagi melindungi nilai mata wang.”¹

Bermula daripada detik inilah Malaysia mula mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengekang krisis mata wang daripada terus menjunam. Antara langkah drastik yang telah diambil oleh kerajaan Malaysia ialah dengan menambat nilai ringgit kepada RM3.80 berbanding dengan 1 dolar AS. Langkah yang diambil ini ternyata telah mengurangkan kejatuhan nilai ringgit dan penetapan nilai ringgit telah berjaya meyakinkan semula pelabur-pelabur terhadap ringgit Malaysia. Ini jelas apabila IMF sendiri menganggap mekanisme kadar pertukaran tetap yang diguna pakai oleh Malaysia sebagai satu alternatif yang boleh diusahakan kepada kadar pertukaran apungan. Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr. Jamaludin Mohamad Jarjis menegaskan²:

“Pandangan positif IMF itu merupakan satu penerimaan ketara selepas pendirian negatif dan bersikap curiga terhadap rejim kadar pertukaran tetap yang dikenakan oleh Malaysia pada 1 September 1998”

Langkah Malaysia yang tidak menerima bantuan daripada IMF juga adalah penyelamat ekonomi negara daripada penjajahan ekonomi oleh Barat. Berbeza dengan apa yang berlaku kepada negara Indonesia dan Thailand yang menjadi

¹ Lihat **Utusan Malaysia**, 28 Februari 2003, http://www.neac.gov.my/statements/020326bernama_mekanisme_penggunaan_dinar_sudah_sedia.htm, 10 Mei 2003 dan http://www.tv3.com.my/news/bu/march2002/26_berita2.html, 12 Ogos 2002.

² Lihat **Utusan Malaysia**, 15 April 2003.

semakin teruk akibat beban bunga yang dikenakan terhadap negara peminjam adalah begitu besar.

Oleh kerana berlakunya kepincangan dalam sistem kewangan antarabangsa akibat daripada sistem mata wang itu sendiri yang sudah tidak mempunyai piawai lagi, mata wang dibiarkan terapung tanpa ada sandaran menyebabkan pencetakan mata wang berlebihan terutamanya dolar AS menjadi punca utama kepada kejatuhan nilai mata wang negara membangun. Ini kerana mata wang dolar mendapat kepercayaan pada peringkat antarabangsa, tetapi yang menjadi mangsa ialah negara ketiga yang menyandarkan mata wangnya kepada dolar AS semata-mata.

Oleh yang demikian, akibat kepincangan yang nyata dalam sistem kewangan antarabangsa, satu alternatif baru perlu diwujudkan bagi menghalang sistem kapitalis daripada terus mencengkam ekonomi dunia. Oleh itu, satu kajian yang terperinci telah dibuat oleh pakar-pakar ekonomi bahawa salah satu alternatif yang berkesan untuk menyelesaikan masalah ini ialah dengan penetapan mata wang kepada sandaran yang bernilai iaitu emas atau dengan kata lain kembali semula kepada sistem piawaian yang pernah dilaksanakan oleh sayyidina 'Umar al-Khaṭṭāb yang dipanggil piawaian 'Umar al-Khaṭṭāb. Sistem baru ini menuntut kepada pengenalan semula sistem mata wang berasaskan dinar Islam.

Rentetan daripada masalah tersebut, maka Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mencetuskan idea supaya semua transaksi perdagangan di peringkat antabangsa perlu dinilai dengan piawaian

emas yang berasaskan kepada sistem mata wang dinar. Sistem mata wang yang berasaskan dinar merupakan satu-satunya mekanisme yang paling berkesan bagi menyelesaikan krisis kewangan yang berlaku sekarang. Ini kerana mata wang yang bersandarkan emas mempunyai kadar turun naik yang tidak terlalu tinggi berbanding dengan mata wang kertas sekarang.

Dalam persidangan negara-negara berkecuali NAM ke-13 yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur bulan Februari 2003 yang lalu, Ketua Delegasi daripada Somalia, Mohamed Osman Omar mencadangkan supaya pergerakan yang kedua terbesar selepas PBB ini mengikut contoh Kesatuan Eropah yang mempunyai mata wang sendiri iaitu Euro. Menurut beliau negara-negara anggota NAM perlu bekerjasama dalam bidang ekonomi tanpa perlu mendapatkan bantuan dari negara-negara kaya.³

Dalam hal ini, Malaysia bersedia untuk menubuhkan sekretariat bagi merealisasikan penggunaan dinar emas dalam urusan perdagangan antarabangsa, yang mana sekretariat ini akan berperanan memberi penjelasan mengenai konsep dan masalah termasuk undang-undang yang perlu dipinda dan disesuaikan dengan rejim kewangan antarabangsa.⁴

Walau bagaimanapun, dalam proses pelaksanaan sistem mata wang yang berasaskan dinar ini perlu kepada kajian yang mendalam supaya ia dapat direalisasikan dengan sepenuhnya. Perlu diketahui juga operasi pelaksanaan sistem mata wang dinar dalam menstabilkan ekonomi berhadapan dengan

³Lihat *Utusan Malaysia*, 22 Februari 2003.

⁴Lihat *Utusan Malaysia*, 24 Oktober 2002.


halangan-halangan serta cabaran yang perlu ditempuhi memandangkan sistem mata wang dinar amat berlawanan sama sekali dengan sistem kewangan antarabangsa sekarang, yang banyak memihak kepada negara-negara kaya. Pelaksanaan sistem mata wang dinar juga perlukan kebijaksanaan supaya pelaksanaannya kelak tidak menjadi satu masalah baru kepada negara yang terlibat.

4.2 MENGAPA EMAS MENJADI PILIHAN ?

Pemilihan emas sebagai sandaran utama kepada perdagangan antarabangsa adalah kerana ia diterima umum oleh global sebagai mata wang. Sejarah telah membuktikan bahawa emas telah memainkan peranan sebagai sandaran utama dalam sistem kewangan antarabangsa pada masa sebelum ianya ditukar kepada sistem terapung, setelah presiden AS, Nixon mengumumkan bahawa mata wang tidak perlu lagi disandarkan dengan emas pada tahun 1971.

Emas juga merupakan mata wang yang stabil dan tidak terdedah kepada risiko inflasi. Untuk membuktikan bahawa emas mempunyai sifat yang stabil serta bebas daripada inflasi bolehlah kita merujuk kepada gambarajah 4.2.1 di bawah:

Gambarajah 4.2.1 : Nilai Emas Berbanding Mata Wang Utama Dunia



Sumber : Laman Web GoldMoney, www.GoldMoney.com.

Berdasarkan kepada gambarajah 4.2.1 di atas, kita dapat melihat dengan jelas pergerakan emas yang sentiasa meningkat dari semasa ke semasa. Keadaan ini

disebabkan oleh emas itu sendiri yang mempunyai nilai intrinsik, serta permintaannya yang meningkat menjadikan ianya sentiasa bernilai tinggi. Ini menunjukkan emas sentiasa bersifat universal dan mata wang anti-inflasi.


Gambarajah 4.2.2 : Nilai Satu Tong Minyak Mentah Dalam Dolar

**Satu Tong Minyak Mentah Dalam Dolar AS Bermula
Disember 1945 sehingga Disember 2000**



Gambarajah 4.2.3 : Nilai Satu Tong Minyak Mentah Dalam Emas

**Satu Tong Minyak Mentah Dalam Emas Bermula
Disember 1945 sehingga Disember 2000**



Sumber : Laman Web GoldMoney, www.GoldMoney.com.

Jika dilihat dalam gambarajah 4.2.2 dan 4.2.3 di atas kita dapati kuasa belian emas bertahan setiap masa berbeza dengan dolar US yang mana kuasa beliannya susut sepanjang masa kerana inflasi. Emas merupakan pengukur nilai yang baik dan bernilai sepanjang masa. Dengan sebab itulah emas merupakan sesuatu yang istimewa sebagai mata wang.

4.3 OPERASI SISTEM MATA WANG DINAR

Dalam proses untuk merealisasikan pelaksanaan sistem mata wang dinar, perkara yang perlu diberi perhatian dan dititik beratkan ialah bagaimana operasi yang akan dimainkan oleh sistem tersebut terhadap sistem kewangan itu sendiri, serta sejauh mana ianya berkesan menyelesaikan masalah ekonomi yang wujud dewasa ini. Dalam bab ini kita akan mengkaji bentuk-bentuk yang telah dibuat oleh pakar ekonomi bagi menjelaskan lagi keberkesanannya membanteras spekulasi dan manipulasi pasaran.

Perkara utama yang perlu diketahui bersama ialah pelaksanaan sistem matawang dinar tidak membabitkan pertukaran mata wang sesebuah negara kepada mata wang dinar, akan tetapi ianya hanya berlaku di peringkat perdagangan antarabangsa sahaja.⁵

Ketika menutup Seminar Antarabangsa Dinar Emas Dalam Perdagangan Pelbagai Hala anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan:

⁵Lihat *Utusan Malaysia*, 27 Mac 2003.

"Dinar emas adalah eksklusif untuk perdagangan antarabangsa dan bukannya digunakan sebagai mata wang dalam urusan dalam negara".⁶

Secara umumnya, model sistem mata wang dinar pada peringkat permulaan proses pelaksanaannya, perlulah secara beransur-ansur supaya pelaksanaannya nanti tidak membawa risiko yang besar. Pada dasarnya proses pelaksanaan sistem mata wang dinar adalah sebagai satu mekanisme yang mudah. Secara praktikalnya, transaksi perdagangan berlangsung melalui internet yang disebut sebagai *e-money*.⁷


Seseorang individu ataupun perniagaan boleh membuka akaun emasnya melalui *Internet Financial Services Provider* (IFSP) yang mempunyai lokasi yang selamat bagi penyimpanan stok emas. Keduanya boleh membuat proses transaksi mereka dalam nilai dinar emas. Proses ini tidak melibatkan pemindahan emas secara fizikal sebagaimana yang berlaku dalam proses transaksi biasa.⁸ Hal yang demikian dapat dilihat dalam rajah 4.3.1 di bawah:

⁶Lihat *Utusan Malaysia*, 24 Oktober 2002.

⁷Ahamed Kameel Mydin Meera (2002), *The Islamic Gold Dinar*, Selangor : Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd, h. 90.

⁸*Ibid.*

Rajah 4.3.1 : Model Sistem Mata Wang Dinar Secara Umum.



Sumber : Ahamed Kameel Mydin Meera (2002), The Islamic Gold Dinar, Selangor : Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd, h. 92.


Model pertama Malaysia pada peringkat permulaan pelaksanaannya dapat dilihat sebagaimana yang telah disyorkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Proses ini perlu dipraktikkan secara sistematik kerana ia merupakan satu sistem lama yang diperbaharui semula iaitu item yang berasaskan kepada sandaran emas yang telah dihapuskan oleh Presiden Amerika Syarikat, Nixon pada tahun 1971 ekoran daripada perbelanjaan besar yang terpaksa ditanggung oleh Amerika Syarikat dalam peperangan pada masa itu. Keadaan sedemikian memaksa AS bertindak menghapuskan sistem kadar pertukaran tetap kepada sistem apungan yang mana mata wang tidak mempunyai apa-apa sandaran, hanya bergantung kepada permintaan dan penawaran di pasaran.

Jika dilihat model pertama Malaysia dalam pelaksanaan sistem mata wang dinar sebagaimana yang digambarkan dalam gambarajah 4.3.2, penggunaannya hanya untuk penyelesaian dalam perbezaan nilai perdagangan antara dua negara. Sebagai contohnya dalam kawasan negara yang berdagang dengan dinar, Malaysia mengeksport sejumlah 100 juta nilai Dinar bagi kenderaan motor dan mengimport 110 juta Dinar minyak, dan perbezaan nilai perdagangan Malaysia adalah sebanyak 10 juta dinar. 10 juta dinar dikreditkan ke dalam akaun perdagangan Malaysia. Pada bulan yang seterusnya Malaysia menjual kereta berjumlah 110 juta dinar dan membeli 100 juta dinar minyak. Dengan demikian, penyelesaian 10 juta dinar lupus secara automatik pada bulan yang berikutnya.⁹

Hal yang demikian tidak melibatkan dalam risiko pertukaran mata wang asing.

⁹ Mahathir Mohamad (2002), "At The Gold Dinar In Multi-Lateral Trade Seminar", (Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Penggunaan Mata Wang Dinar Di dalam Perdagangan Pelbagai Hala, anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 23 Oktober 2002), h. 6.

Rajah 4.3.2 : Model pertama Malaysia mengenai operasi Sistem Matawang Dinar di peringkat perdagangan antarabangsa



Sumber : Ahamed Kameel Mydin Meera (2002), The Islamic Gold Dinar, Selangor : Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd, h. 92.

Melalui sistem mata wang dinar, Bank Pusat kedua-dua negara yang terlibat memainkan peranan sebagai agen pembayar kepada pengimport dan pengeksport. Proses tersebut memerlukan kedua-dua negara yang berdagang membuka akaun simpanan emas di bank pusat masing-masing. Tegasnya,

penyelesaian baki perdagangan antara dua negara dapat dilangsaikan tanpa melibatkan pasaran pertukaran mata wang asing yang terdedah kepada kegiatan manipulasi dalam pasaran.

Profesor Madya Dr. Ahamed Kameel Mydin Meera telah menyenaraikan beberapa faedah ekonomi yang diperoleh melalui model Malaysia iaitu:¹⁰

- 1- Risiko pertukaran mata wang asing dapat dielakkan secara total.
- 2- Mengurangkan spekulasi dan arbitraj di antara mata wang.
- 3- Kos transaksi yang rendah.
- 4- Dapat mengurangkan kemungkinan serangan terbaru terhadap ringgit sebagaimana yang berlaku pada tahun 1997.
- 5- Tidak perlu kepada kawalan keselamatan yang ketat terhadap internet memandangkan ia adalah model pertama.

Selain daripada mendapat faedah dari segi ekonomi, pelaksanaan sistem mata wang dinar juga mempunyai dimensi dari segi politik. Ia juga sebagai respon kepada sistem kewangan global yang tidak adil dan stabil. Hubungan di antara negara-negara Islam akan bertambah kukuh dan kuat melalui sistem perdagangan di kalangan mereka. Pelaksanaan sistem ini juga membolehkan kumpulan negara Islam membantu antara satu sama lain dalam membangunkan negara mereka dan seterusnya memberi faedah yang besar kepada umat Islam sendiri untuk mencapai kemajuan dan kejayaan di peringkat global.¹¹

¹⁰ Ahamed Kameel Mydin Meera (2002), *op.cit.* h. 94.

¹¹ Lihat <http://www.dawn.com/2003/04/21/abr.htm>, 19 Mei 2003.

Satu perkara yang perlu diketahui bahawa operasi sistem mata wang dinar, selain daripada pembayaran perbezaan perdagangan dua hala (*Bilateral Payment Arrangements-BPA*) , ia juga boleh berubah kepada pembayaran perdagangan pelbagai hala (*Multilateral Payment Arrangements-MPA*), keadaan seperti ini boleh berlaku apabila ia mendapat penyertaan yang lebih daripada pelbagai negara yang ingin terlibat di dalam proses pelaksanaan sistem mata wang dinar tersebut.¹²

Walaupun bagaimanapun, pelaksanaan sistem mata wang dinar dalam perdagangan antarabangsa memerlukan kepada peranan yang jitu daripada pakar-pakar dan cendekiawan ekonomi dalam mencari kaedah yang sesuai. Ia juga perlu bagi menyelesaikan masalah-masalah yang mungkin timbul selepas daripada pelaksanaan sistem tersebut, sama ada dari segi politik, perundangan, dan sebagainya.

Oleh yang demikian, pendapat dan pandangan mereka perlu diambil kira supaya dapat diketahui secara jelas tentang prospek pelaksanaan sistem tersebut, supaya tidak menimbulkan apa-apa masalah kepada negara anggota. Antara cendekiawan yang sempat diwawancara ialah seperti Profesor Madya Dr. Mohd. Daud Bakar, Profesor Dr.Hj. Abdullah @ Alwi Hj. Hassan, Profesor Madya Dr. Ahamed Kameel Mydin Meera, Tuan Hj. Nik Mustapha Nik Hassan dan Encik Md. Saad Hashim.

¹² Nor Mohamed Yakcop (2002), "*The Role Of Central Banks In The Implementation Of The Gold Dinar Proposal*" (International Seminar "Gold Dinar In Multilateral Trades", Organised By Institute Of Islamic Understanding Malaysia (IKIM) At Grand Hall, IKIM, 22-23 October 2002, h. 3.

4.4 PENDAPAT DAN PANDANGAN CENDEKIAWAN EKONOMI ISLAM

Oleh itu, logam yang diperbuat daripada emas, bukan sahaja disukai oleh orang ramai sebagai perhiasan, malah penawarannya adalah terhad. Fitrah semulajadi manusia suka kepada alat perhiasan. Dengan sebab inilah maka emas menjadi logam yang berharga dan sesuai dijadikan mata wang.¹³

Sebenarnya Islam tidak mempunyai mata wang sendiri yang khusus sama ada dinar ataupun dirham melainkan hanya pertukaran barangan sahaja (*barter trade*). Dinar dan dirham wujud pada zaman sebelum kedatangan Islam ke tanah Arab. Nabi S.A.W datang dengan kedua-dua logam tersebut telah dijadikan mata wang utama dalam transaksi barangan dan perkhidmatan mereka pada masa itu.¹⁴ Dinar dalam bentuk mata wang Islam hanya diperkenalkan pada zaman sayyidina 'Umar al-Khaṭṭāb r.a.¹⁵

Mata wang dinar sekarang perlu dilihat kepada fungsinya bukan bentuk fizikalnya (*physical form*), walaupun dalam sejarah Islam dinar dan dirham digunakan secara meluas, ia bukan bermakna satu prinsipal yang wajib digunakan oleh generasi akan datang. Wang didefinisikan sebagai alat pertukaran, dan mana-

¹³ Wawancara dengan Tuan Hj. Nik Mustapha Nik Hassan, merupakan Timbalan Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), dan juga Ahli Panel Penasihat Syariah dalam Takaful al-Ikhlas. Beliau banyak menulis artikel-artikel ilmiah yang berkaitan dengan ekonomi dalam jurnal, buku, majalah dan akhbar. Wawancara ini dibuat pada hari Selasa jam 3.00 petang, 8 April 2003 di IKIM, Kuala Lumpur.

¹⁴ Wawancara dengan Profesor Dr. Hj. Abdullah Alwi Hj. Hassan, merupakan pensyarah Jabatan Syariah dan Ekonomi, Fakulti Syariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, juga merupakan Timbalan Pengarah Akademi pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Wawancara ini dibuat pada jam 3.00 petang, Jumaat 4 April 2003 di bilik Timbalan Pengarah Ijazah Tinggi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

¹⁵ *Ibid.*

mana elemen yang dijadikan alat pertukaran serta cukup untuk menjalankan tugas sebagai alat pertukaran antara harga, perkhidmatan dengan harga dan sebaliknya, maka ia digelar sebagai wang. Imam Mālik dalam kitab *al-Muwatta'*nya menyatakan bahawa :

"Jikalau manusia menggunakan kulit binatang sebagai mata wang, pasti aku akan mengenakan hukum riba ke atasnya (mata wang)."

Ini menunjukkan beliau melihat wang itu lebih kepada fungsinya.¹⁶

Kita perlu mengetahui mata wang dalam konteks sekarang, iaitu peranan wang dari segi fungsinya dalam transaksi bukan dalam bentuk fizikalnya. 'Illah dalam pertukaran yang menggunakan mata wang ialah kerana ia mempunyai roh keadilan. Walaupun mata wang dinar dan dirham bukan berasal dari Islam, tetapi nabi S.A.W melihat bahawa ianya mampu dijadikan sebagai mekanisme yang boleh menerapkan nilai keadilan dalam proses transaksi.¹⁷

Oleh itu, jangan terlalu terikat kepada nama, apabila disebut dinar atau dirham ianya dianggap sebagai Islam, yang pentingnya ialah fungsi wang itu sendiri yang mempunyai roh keadilan. Melalui wang juga, memudahkan proses transaksi, cekap serta dapat mencetus dan mengembangkan aktiviti ekonomi.

¹⁶ Wawancara dengan Profesor Madya Dr. Mohd. Daud Bakar, merupakan Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Wawancara ini dibuat pada hari Khamis, jam 9.15 pagi, 8 Mei 2003 di pejabat beliau di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Jalan Gombak, Kuala Lumpur.

¹⁷ Wawancara dengan Tuan Hj. Nik Mustapha Nik Hassan, *op.cit*, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Semua ini menepati roh Islam, manakala dinar itu hanyalah satu nostalgia sejarah sahaja.¹⁸

Oleh yang demikian, roh dinar menuntut kepada perlunya sandaran terhadap sesuatu yang bersifat semulajadi dan bernilai iaitu emas. Roh dan semangat dinar pada zaman nabi S.A.W juga sangat penting, iaitu setiap penawaran wang perlu disandarkan kepada sesuatu yang dinamakan emas.¹⁹ Tegasnya, sistem mata wang yang berasaskan dinar merupakan salah satu penyelesaian utama kepada krisis kewangan yang berlaku sekarang.²⁰

Seluruh dunia pada masa ini terlalu bergantung dan menggunakan dolar AS sebagai asas utama dalam transaksi perdagangan pada peringkat antarabangsa, menyebabkan AS sendiri telah mengeksploitasi kekukuhan dan keteguhan dolarnya untuk memanipulasikan mata wang negara-negara dunia ketiga. Rentetan daripada krisis kewangan yang melanda negara, maka Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melihat betapa perlunya perubahan dalam perdagangan antarabangsa kepada alternatif baru, iaitu penggunaan dinar dalam transaksi perdagangan antarabangsa.²¹

¹⁸ *Ibid.*

¹⁹ *Ibid.*

²⁰ Wawancara dengan Profesor Madya Dr. Ahamed Kameel Mydin Meera, merupakan Ketua Jabatan Kulliyah Ekonomi dan Sains Pengurusan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau juga merupakan penulis buku THE ISLAMIC GOLD DINAR, dan banyak membentang kertas-kertas kerja yang berkaitan dengan pelaksanaan system matawang dinar ini. Wawancara ini dibuat pada hari Rabu, jam 10.15 pagi, 30 April 2003 di pejabatnya di UIAM Jalan Gombak.

²¹ Wawancara dengan Tuan Hj. Nik Mustapha Nik Hassan, *op.cit.*, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), wawancara dengan Profesor Dr. Hj. Abdullah Alwi Hj. Hassan, *op.cit.*, Universiti Malaya.

Sistem Bretton Woods yang berasaskan kepada sandaran emas tidak berjaya akibat daripada perbuatan negara AS sendiri yang memerlukan perbelanjaan besar dalam peperangan di Vietnam. Pada waktu inilah AS menggunakan helah bahawa sistem sandaran emas sudah tidak relevan dan mata wang tidak perlu lagi disandarkan kepada emas sebagai rizab.²²

Keadaan sedemikian menyebabkan AS dapat mencetak mata wang dolarnya sesuka hati tanpa ada peruntukan undang-undang yang melarangnya berbuat demikian. Oleh kerana mata wang dolar adalah matawang yang dominan di peringkat antarabangsa, pencetakan mata wang yang berlebihan tidak memberi impak kepada ekonominya kerana dolar dipercayai dan diterima sebagai mata wang utama dalam transaksi pada peringkat antarabangsa.²³

Kegagalan sistem Bretton Woods bukanlah disebabkan kelemahan sistem itu sendiri, tetapi berlaku akibat daripada perbuatan jahat AS yang mencetak dolarnya melebihi simpanan emas yang ada sebagai rizab dalam bank pusatnya. Oleh itu, bahagian yang tidak disandarkan kepada emas inilah yang menimbulkan masalah.²⁴

Hal tersebut dapat diilustrasikan begini : Jika kita sama-sama mencetak wang, iaitu AS mencetak dolar manakala kita mencetak ringgit. Nilai ringgit akan menurun berpunca daripada penawaran yang meningkat. Manakala dolar AS tidak mempunyai apa-apa kesan kerana mendapat kepercayaan di peringkat antarabangsa. Oleh itu, kita sudah mempunyai mekanisme dinar. Bank pusat

²² *Ibid.*

²³ *Ibid.*

²⁴ Wawancara dengan Profesor Madya Dr. Ahamed Kameel Mydin Meera, *op.cit.* UIAM.

sendiri sudahpun mempunyai rizab emasnya, sebagai contoh tiga negara mempunyai simpanan emas masing-masing di IDB (*Islamic Development Bank*). Perbezaan nilai perdagangan antara ketiga-tiga negara akan dinilai dalam dinar, manakala proses pembayaran pula tidak menggunakan penghantaran mata wang dalam bentuk fizikal dinar, bahkan dikreditkan dalam akaun bank pusat masing-masing, dan dalam tempoh tiga atau enam bulan ianya dapat diselesaikan.²⁵

Kita hairan mengapa orang Islam masih lagi memberi sokongan terhadap sistem kewangan antarabangsa sekarang yang banyak menekan negara-negara Islam itu sendiri. Sebagai contoh, AS dapat membeli segala sumber minyak yang ada hanya dengan mencetak dolar mengikut keperluannya, tambahan pula wang juga dapat dicipta melalui kredit dalam komputer sahaja. Ini berlaku kerana mata wang dolar adalah mata wang utama dan dominan pada peringkat antarabangsa dan dapat membeli apa saja, tambahan pula cetakannya tidak perlu kepada sandaran emas.²⁶

Masalah utama yang menyebabkan krisis kewangan sekarang ialah kerana wang tidak mempunyai kekuatan, kerana mata wang sekarang hanyalah berbentuk nombor sahaja (*accounting number*), ianya boleh hilang bila-bila masa sahaja. Hasil daripada kelemahan mata wang juga timbul masalah pengangguran, lumpuhnya aktiviti ekonomi dan perniagaan; bukan kerana tiada permintaan barangan tetapi tiada wang untuk mendapatkan barangan tersebut.²⁷

²⁵ *Ibid.*

²⁶ *Ibid.*

²⁷ *Ibid.*

Walau bagaimanapun, perlu diambil perhatian juga bahawa krisis ekonomi sekarang bukan sahaja berpunca daripada wang, tetapi asasnyalah bermuamalah dengan sistem riba serta transaksi mata wang yang tidak bersandarkan kepada nilai benar wang. Ini kerana undang-undang membenarkan urusniaga pasaran hadapan mata wang (*forward market*) ataupun SWAP mata wang²⁸ yang merupakan punca utama kepada krisis mata wang itu. Syarak melarang keras mata wang diniagakan secara hadapan ataupun SWAP, yang mana merupakan pintu masuk utama kepada George Soros bagi memanipulasikan mata wang mana-mana negara.²⁹

Dalam proses pelaksanaan sistem mata wang dinar, kita perlu mengurangkan pergantungan dan penggunaan terhadap dolar AS dalam perdagangan. Walau bagaimanapun, dalam proses untuk mengurangkan pergantungan dan penggunaan terhadap dolar, perlulah dipertingkatkan perdagangan antara 57 negara Islam OIC (*Organization of Islamic Conference*) bagi mengimbangi perdagangan dengan AS. Nilai perdagangan antara negara Islam pada masa ini adalah sekitar 11.8%, sedangkan perdagangan dengan AS lebih daripada itu.³⁰

²⁸ Pasaran hadapan mata wang juga disebut kadar pertukaran hadapan yang merupakan kadar sebutan kini bagi belian atau jualan sejumlah mata wang asing dalam masa yang ditetapkan pada masa hadapan. Urusniaga kontrak ini dilakukan dengan kadar yang telah ditetapkan tidak kira perubahan kadar semasa dalam tempoh tersebut. Swap bermaksud urusniaga kewangan pihak-pihak yang terlibat yang bersetuju untuk bertukar beberapa jenis pembayaran dalam tempoh yang telah ditetapkan. Swap mata wang pula melibatkan pertukaran pembayaran dalam bentuk mata wang yang berlainan. Ia biasa dilakukan untuk melindungi daripada risiko pertukaran asing. Misalnya seseorang itu memerlukan dolar sekarang, beliau boleh meminjam dolar dan membuat perjanjian membayar balik dalam tempoh 3 bulan. Dalam masa yang sama beliau akan memasuki kontrak hadapan membeli dolar bagi memastikan harga yang akan dibayar ditetapkan apabila diperlukan dalam tempoh 3 bulan lagi. (Lihat Rosli Mahmood (1997), *Konsep Asas Perbankan*, c. 2, *op.cit.*, h. 105).

²⁹ Wawancara dengan Profesor Madya Dr. Mohd. Daud Bakar, *op.cit.*, UIAM.

³⁰ Wawancara dengan Tuan Hj. Nik Mustapha Nik Hassan, *op.cit.*, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Kita juga perlu mengubah tradisi mengimport produk daripada negara barat, sedangkan produk tersebut dikeluarkan oleh negara Islam. Sebagai contoh: Algeria mengimport kain kapas daripada Eropah, manakala Eropah pula mengimportnya daripada Mesir. Di sini timbul persoalan mengapakah Algeria tidak mengimport kain kapas terus daripada Mesir sedangkan keduanya adalah negara Arab dan sempadan geografinya adalah berdekatan.³¹

Cadangan penggunaan dinar oleh Malaysia sebagai alat penyelesaian perdagangan, tidak akan berlaku jika tiada kegiatan eksport dan import yang aktif antara negara-negara Islam. Dalam kajian yang dibuat hanya beberapa peratus sahaja perdagangan import eksport dan timbal balik antara mereka. Pelaksanaan sistem mata wang dinar tidak akan menjadi realiti melainkan apabila jumlah perdagangan itu menjangkau 50-60%. Pelaksanaan mata wang dinar pada masa kini dianggap mustahil sekiranya nilai perdagangan antara negara Islam hampir tiada.³²

Pelaksanaan sistem ini perlu bermula dengan dua buah negara dahulu dalam bentuk bilateral (BPA). Ia akan mendapat sambutan kerana mampu membawa prinsip keadilan dalam transaksi. Mata wang dinar bukannya hasil gabungan negara-negara Islam, bahkan dinar sendiri yang akan menggabungkan dan menyatukan umat Islam. Sebagai contoh, Euro pada peringkat awal pelaksanaannya hanya beberapa negara sahaja yang menyertainya. Apabila negara-negara lain melihat bahawa ianya mempunyai banyak kelebihan,

³¹ *Ibid.*

³² Wawancara dengan Profesor Madya Dr. Mohd. Daud Bakar, *op.cit*, UIAM.

seterusnya menarik negara-negara tersebut untuk mengambil bahagian.³³ Nilai pasaran emas antarabangsa memainkan peranan utama dalam menilai perbezaan perdagangan antara negara yang terlibat.³⁴

Proses pelaksanaan sistem mata wang dinar dalam perdagangan antarabangsa, tidak bermakna kita menolak ataupun cuba untuk menghapuskan sistem yang telah ada sekarang, iaitu sistem wang fiat (*Fiat Money*). Pelaksanaan sistem alternatif perlu bergerak seiring dengan sistem wang fiat. Tegasnya, mata wang dinar perlu bergerak dalam dua sistem (*dual system*), sebagaimana sistem perbankan Islam yang bergerak bersama dalam perbankan konvensional pada peringkat permulaan. Ini kerana strategi yang gopoh akan membawa kesan yang lebih buruk kepada pelaksanaan sistem mata wang dinar sendiri.³⁵

Dunia Islam perlu bersatu kerana semua perkara tidak mustahil untuk direalisasikan jika umat Islam teguh dalam kesatuan mereka. Ini kerana sebahagian kekayaan hasil bumi adalah dimiliki oleh negara Islam. Apa yang penting sekarang ialah bagaimana untuk meyakinkan negara-negara Islam dalam penggunaan mata wang dinar.³⁶ OIC perlu membuat satu perisytiharan supaya negara-negara Islam sepatutnya menggunakan mata wangnya sendiri.³⁷ Mata wang Euro boleh dijadikan contoh dalam pelaksanaan mata wang dinar. Apa yang

³³ Wawancara dengan Profesor Madya Dr. Ahamed Kameel Mydin Meera, *op.cit.* UIAM.

³⁴ Wawancara dengan Encik Md. Saad Hashim, merupakan Timbalan Ketua Sekretariat (Ekonomi dan Kewangan), Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Wawancara ini dibuat pada hari Sabtu jam 10.00 Pagi 26 April 2003 di bilik mesyuarat MTEN, tingkat 1, Blok E5, Bangunan Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya.

³⁵ *Ibid.*

³⁶ Wawancara dengan Profesor Dr. Hj. Abdullah Alwi Hj. Hassan, *op.cit.* Universiti Malaya.

³⁷ *Ibid.*

penting dan menjadi keutamaan di sini ialah kesatuan daripada negara-negara Islam.³⁸

Untuk menjadikan penyatuan antara negara-negara Islam menjadi realiti dan memudahkan transaksi, kita perlu mewujudkan satu mata wang Islam yang mempunyai identiti sendiri seperti Euro. Walau bagaimanapun, Euro sendiri memakan masa yang sangat lama untuk mendapat penyertaan daripada negara-negara Eropah. Namun begitu tidak semua negara Eropah yang menunjukkan komitmen terhadap mata wang Euro, sebagaimana Britain yang masih menggunakan Pound Sterlingnya dalam urusan transaksi domestik dan antarabangsa.³⁹

Penyatuan mata wang Euro juga melibatkan pelbagai proses yang rumit seperti penyatuan ekonomi (*economic unification*) dan pada peringkat akhir pula akan wujud penyatuan kewangan (*monetary unification*).⁴⁰ Ini berbeza dengan realiti negara Islam sendiri yang tidak mempunyai ikatan politik (*politic cohesion*) yang kukuh di kalangan mereka.⁴¹ Sekiranya sistem mata wang dinar dapat dilaksanakan sebagaimana yang dijangkakan, Malaysia akan melonjak di antara 230 tan (55juta dinar) dan 200 tan (48 juta dinar) setahun pada harga emas US\$300 dan US\$350 berturut-turut.⁴² Kejayaan Malaysia dalam melaksanakan sistem Mata wang dinar menjadikannya salah sebuah negara yang memberikan

³⁸ *Ibid.*

³⁹ Wawancara dengan Profesor Madya Dr. Mohd. Daud Bakar, *op.cit.*, UIAM.

⁴⁰ Wawancara dengan Encik Md. Saad Hashim, *op.cit.*, MTEN.

⁴¹ *Ibid.*

⁴² Sila lihat

<http://www.mips1.net/422567CB004DBB8F/0/4225685F0043D1B285256C1B000956D1>, 19 Mei 2003.

sumbangan signifikan terhadap ekonomi dunia Islam. Ia juga menjadi bukti utama terhadap komitmen Malaysia dalam membangunkan umat Islam.⁴³

4.5 PROSPEK PELAKSANAAN SISTEM MATA WANG DINAR

Prospek pelaksanaan sistem mata wang dinar dalam perdagangan antarabangsa begitu cerah, cuma ia tidak perlu dijalankan terlalu gopoh dan haruslah dilaksanakan melalui penyertaan beberapa buah negara terlebih dahulu. Sebagai contohnya perbankan Islam memerlukan kepada pelaksanaan yang efektif supaya mendapat kepercayaan dan keyakinan orang ramai.⁴⁴ Ia juga perlu dilaksanakan secara bijaksana dan perlahan-lahan supaya tidak membawa impak buruk kepada dinar itu sendiri.⁴⁵

4.5.1 Komitmen Padu Daripada Kerajaan

Komitmen yang tinggi daripada kerajaan Malaysia sendiri adalah merupakan faktor utama dalam merealisasikan sistem mata wang dinar. Ia dapat dilihat melalui ucapan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam persidangan OIC di Doha, Qatar pada bulan November 2000 yang lalu, beliau menegaskan bahawa negara-negara Islam perlu mengurangkan perdagangan dengan menggunakan dolar AS.⁴⁶

⁴³ Lihat juga <http://www.irma.com/en/head/030120141326.ehe.shtml>, 19 Mei 2003.

⁴⁴ Wawancara dengan Profesor Dr. Hj. Abdullah Alwi Hj. Hassan, *op.cit*, Universiti Malaya.

⁴⁵ Wawancara dengan Tuan Hj. Nik Mustapha Hj. Nik Hassan, *op.cit*, IKIM.

⁴⁶ Wawancara dengan Encik Md. Saad Hashim, *op.cit*, MTEN.

Proses pelaksanaan sistem mata wang dinar dalam perdagangan antarabangsa menjadi semakin realiti apabila Penasihat Khas Ekonomi kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Nor Mohamed Yacop menjelaskan bahawa Malaysia sudah bersedia melaksanakan transaksi perdagangan menggunakan dinar emas sebagai instrumen tambahan bagi perdagangan luaran dengan negara Islam yang berminat menjelang pertengahan tahun 2003.⁴⁷

Malaysia kini dalam proses perbincangan dengan beberapa negara dalam usaha menjalin perjanjian pembayaran dua hala B-P-A, sebelum mekanisma berkenaan dilaksanakan.⁴⁸ Beberapa buah negara Islam di Asia Barat bersetuju menjalankan perdagangan dengan Malaysia menggunakan dinar emas.⁴⁹ Tan Sri Dato' Nor Mohamed Yacop bagaimanapun enggan mendedahkan nama negara-negara Islam yang terbabit di dalam perbincangan berkenaan.⁵⁰

Sistem perbankan Islam yang dilaksanakan pada tahun 1983, memberi petunjuk bahawa kita tidak boleh terlalu *gejoh* kerana sehingga sekarang perbankan Islam masih mempunyai kekurangan. Ini berlaku kerana kita tidak mempunyai pakar-pakar dalam perbankan melainkan mereka yang terdiri daripada bank konvensional. Oleh itu kita terpaksa menurut kehendak dan tuntutan mereka kerana tiada sumber tenaga kerja yang pakar dalam bidang tersebut.⁵¹

⁴⁷ Sila lihat http://www.tv3.com.my/news/bu/august2002/19_berita6.html, 7 April 2003.

⁴⁸ *Ibid.*

⁴⁹ Lihat http://www.tv3.com.my/news/bu/oktober2002/17_berita9.html, 7 April 2003.

⁵⁰ *op.cit.*

⁵¹ Wawancara dengan Tuan Hj. Nik Mustapha Hj. Nik Hassan, *op.cit.* IKIM.

Prospek pelaksanaan sistem mata wang dinar mempunyai harapan yang cerah sekiranya:⁵²

- 1- Negara-negara Islam dapat meningkatkan kuantiti perdagangan antara mereka. Ia melibatkan faktor politik sebagaimana yang berlaku terhadap mata wang Euro.
- 2- Situasi politik negara yang kondusif bagi melaksanakan alternatif baru menggantikan sistem yang sedia ada.
- 3- Keimanan dan kesedaran untuk kembali kepada sistem yang lebih adil.

4.5.2 Penganjuran Seminar dan Persidangan Domestik dan Antarabangsa

Bagi merealisasikan proses pelaksanaan sistem mata wang dinar dalam perdagangan antarabangsa, banyak seminar telah diadakan di peringkat antarabangsa dan domestik bagi memberi kesedaran terhadap pentingnya sistem mata wang dinar dalam menyelesaikan masalah risiko pertukaran mata wang di peringkat antarabangsa, antaranya:⁵³

- 1- Persidangan Keempat Politik Ekonomi Islam Antarabangsa: Perkongsian Islam Asia Eropah di bawah WITO telah diadakan di Malaysia pada 16-18 November 2000.

⁵² Wawancara dengan Profesor Madya Dr. Mohd Daud Bakar, *op.cit*, UIAM.

⁵³ Wawancara dengan Encik Md. Saad Hashim, *op.cit*, MTEN.

- 2- Seminar Pasaran Modal Islam Antarabangsa yang diadakan di Kuala Lumpur pada 26 Mac 2002, menyatakan perlunya kepada penggunaan sistem mata wang dinar sebagai mata wang global kepada lebih 1 bilion umat Islam di seluruh dunia dalam perdagangan sama ada perdagangan dua hala ataupun pelbagai hala.
- 3- Persidangan Antarabangsa 2002 mengenai Stabiliti dan Sistem Kewangan Global Tunggal yang diadakan di Kuala Lumpur pada 19 dan 20 Ogos 2002.
- 4- Seminar Antarabangsa Mengenai Matawang Dinar Dalam Perdagangan Pelbagai Hala, yang diadakan di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada 22-23 Oktober 2002.
- 5- Seminar Dinar peringkat kebangsaan "Dinar : Ke Arah Pemantapan Ekonomi Ummah", anjuran Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) pada 16 Mac 2002.
- 6- Seminar Kewangan Islam "Ke Arah Pengukuhan Instrumen Kewangan Islam Di Malaysia", yang diadakan di Universiti Malaya pada 18 Jun 2002.

- 7- Seminar ke arah kesedaran lebih komprehensif perniagaan Islam dan perundangan perbankan di Malaysia, yang diadakan di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada 18-19 Februari 2003.

4.5.3 Wujudnya Mekanisme yang Efisien

Mekanisme dinar telah sedia ada kerana bank pusat sendiri sudahpun mempunyai rizabnya dalam bentuk emas. Sebagai contoh, tiga negara mempunyai simpanan emas masing-masing di IDB (*Islamic Development Bank*). Perbezaan nilai perdagangan antara ketiga-tiga negara akan dinilai dalam dinar, manakala proses pembayaran pula tidak menggunakan penghantaran mata wang dalam bentuk fizikal dinar, bahkan dikreditkan dalam akaun bank pusat masing-masing dan dalam tempoh tiga atau enam bulan ianya dapat diselesaikan.⁵⁴

Terdapat dua mekanisme utama yang telah disediakan oleh Malaysia dalam proses perdagangan antarabangsa melalui sistem mata wang dinar iaitu.⁵⁵

4.5.3(a) Mekanisme Pembayaran Perdagangan Dua Hala (*Bilateral Payment Arrangement-BPA*).

Diandaikan mekanisme ini berlaku antara dua negara, Malaysia dan Arab Saudi. Perdagangan berlaku secara timbal balik melalui import dan eksport. Perbezaan perdagangan di antara kedua-dua negara akan diselesaikan dalam tempoh tiga bulan. Jumlah perdagangan akan dinilai dengan emas dinar. Jika

⁵⁴ Wawancara dengan Profesor Madya Dr. Ahamed Kameel Mydin Meera, *op.cit*, UIAM.

⁵⁵ Nor Mohamed Yacop (2002), *op.cit*, h. 3-5, wawancara dengan Encik Md. Saad Hashim, *op.cit*, MTEN.

selepas tiga bulan nilai eksport Malaysia ke Arab Saudi ialah 2 juta dinar, dan eksport Arab Saudi ke Malaysia sejumlah 1.8 juta dinar. Setelah tempoh tiga bulan Bank Pusat Arab Saudi perlu membayar baki perdagangan 0.2 juta dinar kepada Bank Negara.

Satu faedah yang besar di bawah mekanisme ini ialah, amaun yang kecil iaitu 0.2 juta dinar mampu untuk menampung nilai total perdagangan sebanyak 3.8 juta dinar. Dengan kata lain, kita boleh mengurangkan penggunaan pertukaran asing. Mana-mana negara yang tidak mempunyai amaun yang besar dalam simpanan pertukaran asing boleh mengambil bahagian secara signifikan dalam perdagangan antarabangsa di bawah mekanisme ini.

4.5.3(b) Mekanisme Pembayaran Perdagangan Pelbagai Hala *(Multilateral Payment Arrangement-MPA).*

Mekanisme ini mempunyai fungsi yang hampir sama, melainkan ianya melibatkan lebih daripada dua negara, dan lebih efisien berbanding dengan BPA di atas. Sebagai contoh, tiga negara terlibat dalam mekanisme ini, iaitu Malaysia, Arab Saudi, dan Mesir. Jumlah perdagangan antara Malaysia dan Arab Saudi adalah seperti yang dinyatakan di atas, manakala Mesir sebagai rakan dagangan baru. Perdagangan ketiga-tiga negara boleh dilihat dalam rajah 4.4.1 di bawah :

Rajah 4.4.1: Jumlah perdagangan antara 3 negara dalam Dinar Emas (juta)

	Dinar Emas (juta)			
Eksport ke	Malaysia	Arab Saudi	Mesir	Jumlah Eksport
Malaysia	X	2.0	1.5	3.5
Arab Saudi	1.8	X	2.0	3.8
Mesir	1.7	1.7	X	3.4
Jumlah Import	3.5	3.7	3.5	10.7

Sumber: Nor Mohamed Yacop (2002), *"The Role Of Central Banks In The Implementation Of The Gold Dinar Proposal"* (International Seminar "Gold Dinar In Multilateral Trades", Organised By Institute Of Islamic Understanding Malaysia (IKIM) At Grand Hall, IKIM, 22-23 October 2002, h. 5.

Dalam rajah 4.4.1 di atas, jumlah perdagangan antara tiga negara sebanyak 10.7 juta dinar dengan pembayaran bersih hanya 0.1 juta dinar boleh dilihat secara terperinci sebagaimana dalam rajah 4.4.2 di bawah :

Rajah 4.4.2 : Jumlah bayaran yang perlu dijelaskan melalui perdagangan pelbagai hala (*Multilateral Payment Arrangement-MPA*)

	Dinar Emas (juta)		
	Eksport	Import	Bayaran Bersih
Malaysia	3.5	3.5	Tiada
Arab Saudi	3.8	3.7	+0.1
Mesir	3.4	3.5	-0.1

Sumber: Nor Mohamed Yacop (2002), *"The Role Of Central Banks In The Implementation Of The Gold Dinar Proposal"* (International Seminar "Gold Dinar In Multilateral Trades", Organised By Institute Of Islamic Understanding Malaysia (IKIM) At Grand Hall, IKIM, 22-23 October 2002, h. 5.

Oleh itu, pembayaran yang perlu dibuat oleh Mesir kepada Arab Saudi ialah sebanyak 0.1 juta dinar, sedangkan nilai total perdagangan antara tiga negara teguh, iaitu sebanyak 10.7 juta dinar. Kelebihan mekanisme ini ialah import bersih mana-mana negara dalam suku tertentu boleh diimbang dengan eksport bersih pada suku yang berikutnya. Dengan itu, untuk setahun genap ianya dapat meminimumkan aliran pembayaran.

4.5.4 Perkembangan Pesat Teknologi Maklumat (IT)

Ramai yang semakin sedar mengenai kelemahan yang timbul daripada sistem yang sedia ada, dan kemajuan teknologi IT (*Information Technology*) berupaya untuk mengatasi segala masalah yang berlaku dalam sistem sekarang. Serentak

dengan perkembangan pesat teknologi maklumat ini muncul pula instrumen-instrumen elektronik yang lebih efisien, antaranya :⁵⁶

4.5.4(a) *e-dinar (Electronic Dinar)*.

E-Dinar ialah nama kepada asas pembayaran melalui internet dan sistem pertukaran berdasarkan kepada transaksi emas melalui emas secara fizikal. Ia juga nama kepada unit elektronik yang digunakan dalam sistem *e-dinar*. Nilai dinar dalam transaksi ini bersamaan dengan 4.25 gram emas tulin 24 karat. Melalui *e-dinar* juga, pelanggan tidak didedahkan kepada risiko kerugian dalam pertukaran kerana ia tidak melibatkan bank dan juga bebas daripada sekatan perundangan di samping bebas daripada inflasi. Transaksinya juga tidak melibatkan kos yang tinggi iaitu US\$0.50 ataupun 1%.

Sesiapa yang berminat untuk berurusniaga dengan standard emas perlu membuka akaun *e-dinar* secara online dalam internet. Oleh yang demikian, segala urusan akan dilaksanakan berdasarkan nilai emas di pasaran. Dengan adanya *e-dinar*, para pelanggan tidak lagi bermuamalah dengan riba dan bebas daripada penindasan⁵⁷

4.5.4(b) *e-gold (Electronic Gold)*

E-gold ialah sejenis mata wang elektronik yang dikeluarkan oleh e-gold Limited. E-gold adalah integrasi asas sistem pembayaran dalam akaun yang

⁵⁶ Ahamed Kameel Mydin Meera (2002a), *The Islamic Gold Dinar*, *op.cit*, h. 97.

⁵⁷ Untuk mendapat penjelasan yang lebih terperinci lagi, bolehlah melayari laman web : <http://www.e-dinar.com>.

memberi kuasa kepada seseorang untuk menggunakan emas sebagai mata wang dan membelanjakan berat emas tertentu ke dalam akaun e-gold yang lain. E-gold juga merupakan mekanisme yang terbaik yang bersandarkan kepada nilai emas, yang dapat bertahan sampai bila-bila.

Akaun e-gold dikira berdasarkan berat logam, bukan berdasarkan kepada US\$ ataupun unit mata wang mana-mana negara. Unit timbangan berat logam ini adalah tepat, sama dan mendapat pengiktirafan antarabangsa. Logam yang dijadikan sandaran ialah khusus kepada emas sebagai mengingat sejarah kewangan antarabangsa yang pernah menggunakan emas sebagai sandaran utama. Ia juga sesuai bagi transaksi di peringkat antarabangsa.

E-gold diperkenalkan adalah untuk menghindari daripada sebarang risiko kewangan secara total. Dengan transaksi melalui e-gold ini tiada risiko hutang ataupun kerugian secara drastik berlaku. Oleh itu, e-gold Limited tidak mempengaruhi mana-mana mata wang negara tertentu dan tidak mempunyai akaun bank. Serentak dengan itu e-gold tidak menawarkan perkhidmatan pertukaran mata wang. Sebagaimana dengan e-dinar, e-gold juga memerlukan seseorang yang berminat membuka akaun dan operasinya tidak melibatkan risiko politik dan perundangan.⁵⁸

⁵⁸ Layari laman web e-gold di : <http://www.e-gold.com>

4.5.4(c) e-money (*Electronic Money*).

E-money, sebagaimana e-dinar dan e-gold juga, yang memberi perkhidmatan kewangan secara talian melalui internet. Ia memerlukan pelanggan membuka akaun e-money untuk memudahkan urusan dengan portal ini.⁵⁹ Portal diwujudkan untuk memudahkan transaksi kepada pelanggannya. Transaksi melalui elektronik ini juga tidak melibatkan kos yang tinggi terhadap prosesnya berbanding melalui bank sebagaimana sekarang.

4.5.4(d) GoldMoney

GoldMoney ialah emas yang dapat dipindahkan secara elektronik melalui internet. Setiap GoldMoney ataupun juga dipanggil Goldgram akan disimpan dengan selamat di London dalam bentuk jongkong emas. Ia berbentuk emas tulin yang dijamin keselamatannya. GoldMoney juga memberi jaminan bahawa setiap nombor yang tertera pada GoldGram adalah sama nilainya dengan emas tulin yang di simpan dalam bentuk jongkong emas.⁶⁰

4.5.4(e) e-qirad (*Elektronik Qirad*)

Elektronik Qirad merupakan satu lagi instrumen yang diperkenalkan melalui dalam talian untuk memudahkan urusan perniagaan di antara pelabur dengan pelanggannya. Melalui instrumen ini, para peminjam tidak perlu lagi menggunakan perantaraan bank dalam membuat pinjamannya. E-qirad bukan

⁵⁹ Layari <http://www.e-money.com>.

⁶⁰ Layari <http://www.GoldMoney.com>.

sahaja menggunakan emas sebagai mekanisme pembayaran, tetapi urusannya tidak melibatkan pihak ketiga iaitu bank.⁶¹ Oleh itu, instrumen ini lebih efisien dan tidak akan terdedah kepada kerugian dan risiko.

4.5.4(f) Sistem Pembayaran Berasaskan Token⁶²

Model ini menggunakan aplikasi asas komputer, iaitu sistem berasaskan wang token. Sistem token biasanya menggunakan aplikasi 'dompet' yang menyimpan 'wang token', ataupun sebagai paket maklumat yang melambangkan nilai tertentu. Proses pelaksanaan sistem ini adalah pelbagai, antaranya ia seumpama memegang bil dolar, yang mana ianya boleh ditebus semula mengikut nilai mukanya (*face value*). Dalam aplikasi lain pula token mengandungi maklumat langsung nilainya yang perlu dibayar dalam akaun yang tertentu.⁶³

4.5.4(g) Sistem Kad Pintar (*Smart Card System*)

Sistem kad pintar merupakan sistem yang tidak menggunakan talian internet. Ia beroperasi sebagai dompet penyimpan nilai yang berupa kad plastik yang sama bentuknya dengan kad kredit. Pengeluar akan menghasilkan tunai secara digital melalui komputer, manakala setiap 'nota' yang mempunyai nombor siri pemilik dan tarikh tamat tempoh, serta ditandatangani melalui kunci rahsia.

⁶¹ Layari <http://www.e-qirad.com>.

⁶² Token bermaksud logam yang digunakan untuk membuat syiling adalah lebih rendah daripada nilai mukanya.

⁶³ Jalalullail Othman (2002), "The Legal And Regulatory Infrastructure In Malaysia For The Implementation Of The Dinar As A Trading Currency" (Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Dinar Dalam Perdagangan Pelbagai Hala di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 22-23 Oktober 2002), h. 20.

Nota yang telah ditandatangani akan dihantar kepada pengguna kad pintar sebaik sahaja wang dimasukkan dalam sistem. Melalui sistem tersebut juga wang boleh dihantar ke dalam akaun pengguna di bank, ataupun boleh dimasukkan ke dalam kad secara tunai ataupun kad kredit.⁶⁴

Aplikasi kad pintar boleh dipraktikkan dalam penggunaan dinar melalui penghantaran dalam bentuk unit kredit dinar dalam akaun secara talian ke dalam debit kad dan boleh juga kepada pengguna untuk melakukan perdagangan dengan dinar bukan dalam talian.⁶⁵

4.5.5 Wujudnya Badan Perkhidmatan Kewangan Islam (*Islamic Financial Services Board -IFSB*)

Badan perkhidmatan kewangan Islam dilancarkan oleh 10 pengasas utama, iaitu Bahrain, Pakistan, Iran, Arab Saudi, Sudan, Indonesia, Malaysia, Kuwait, dan bank Pembangunan Islam Antarabangsa (*The Islamic Development Bank -IDB*). Penubuhan IFSB dilihat satu langkah permulaan yang signifikan untuk memainkan peranan utama dalam kewangan Islam. IFSB begitu optimis jika perbankan di Malaysia menawarkan kadar yang tinggi, kebanyakan pelanggan akan menarik balik deposit mereka daripada sistem perbankan konvensional.

⁶⁴Jalalullail Othman (2002a), "Application of the Existing Laws and Regulations in Malaysia Relating to the Proposed Usage and Implementation of the Dinar from a Private Sector Perspective", dalam Ahamed kameel Mydin Meera (ed), *Proceedings of the 2002 International Conference on Stable and Just Global Monetary System*, Kuala Lumpur : Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), h. 266.

⁶⁵ *Ibid*,

IFSB boleh meningkatkan peranannya dalam sektor perbankan dan kewangan Islam secara global. Seterusnya ia menjadi batu asas kepada bank-bank dan institusi kewangan serta ke arah pelaksanaannya di dalam industri. Apa yang menariknya, idea penubuhan IFSB ini mendapat sokongan daripada IMF. IFSB yakin bahawa Malaysia mempunyai potensi yang besar sebagai pusat kewangan dan perbankan Islam. Malaysia juga menduduki senarai tertinggi dalam dunia Islam dalam pentadbiran korporat serta berada dalam posisi yang baik untuk muncul sebagai pusat kecemerlangan Islam.⁶⁶

4.5.6 Penempatan Dinar Emas.

Penempatan dinar emas telah diberi kepercayaan oleh kerajaan Malaysia kepada Royal Mint Malaysia, yang merupakan satu-satunya kilang pembuatan syiling dan medal di Malaysia. Ia ditubuhkan pada tahun 2000, yang mana pelanggan utamanya ialah Bank Negara Malaysia (BNM) kerana 80% daripada keseluruhan perniagaannya adalah daripada BNM.⁶⁷ Walaupun ianya hanya untuk penggunaan dalam negara sebagai syiling peringatan, namun ia dianggap sebagai langkah permulaan kepada terciptanya mata wang negara Asean.

Penempatan dinar ini adalah dalam bentuk syiling peringatan, yang dijangka akan bermula sebelum bulan Oktober 2003. Syiling peringatan tersebut adalah sebagai cadangan untuk pembayaran zakat dan mas kahwin, yang mana standardnya dipertanggungjawabkan kepada pakar daripada Universiti Islam

⁶⁶Sila lihat <http://www.dawn.com/2002/11/18/abr9.htm>, 19 Mei 2003.

⁶⁷Lihat juga http://www.bernama.com.my/B2002v2/arch_news.shtml?2003_05_06/business/bu0605_1, 19 Mei 2003.

Antarabangsa Malaysia (UIAM) untuk menentukannya sebagai persediaan terhadap penggunaannya di negeri-negeri seluruh Malaysia. Apabila dinar dijadikan standard utama dalam pembayaran zakat di Malaysia, ia dijangka berpotensi untuk dilaksanakan di negara-negara jiran seperti Indonesia, Brunei, dan Singapura. Walau bagaimanapun, cadangan untuk mengeluarkan syiling bagi negara-negara ASEAN masih dalam peringkat perbincangan.⁶⁸

4.5.7 Infrastruktur Perundangan (*Legal Infrastructure*).

Proses pelaksanaan sistem mata wang dinar dalam pembayaran antarabangsa tidak dapat lari daripada berlakunya perubahan terhadap infrastruktur perundangan supaya ia menjadi realiti dalam masa yang terdekat. Sistem yang berasaskan kepada wang fiat sudah lama menjadi instrumen pembayaran perdagangan sama ada di peringkat domestik mahupun antarabangsa. Oleh itu, sistem alternatif yang lebih komprehensif perlu diwujudkan.

Antara infrastruktur perundangan yang terlibat bagi pelaksanaan sistem mata wang dinar dalam lingkungan rangka kerja perundangan yang telah sedia ada ialah Akta Bank Pusat Malaysia 1958 (CBMA), yang lengkap mengenai pembelian, persetujuan, penjualan, dan perkhidmatan kastodian.⁶⁹ Bank Negara Malaysia (BNM) juga mempunyai kapasiti perundangan bagi mengatasi segala masalah sekatan daripada badan legislatif di bawah Akta Institusi Kewangan dan

⁶⁸ *Ibid.*

⁶⁹ Aziuddin Ahmad (2002), "Legal Infrastructure For The Implementation Of Gold Dinar" (Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Dinar Emas Dalam Perdagangan Pelbagai hala di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 22-23 Oktober 2002), h. 3.

Perbankan 1989 (BAFIA), Akta Kawalan Pertukaran 1953 (ECA), Notis Kawalan Pertukaran Malaysia (ECM notis), dan Akta Pertukatan Wang 1998 (MCA).⁷⁰

4.5.8 Peranan Bank Pusat (BNM)

Bank Pusat memainkan peranan utama dalam merealisasikan pelaksanaan sistem matawang dinar. Peranan tersebut melalui tiga aspek utama iaitu memperkembangkan peranan bank pusat, agen pembayar, dan sebagai kastodian bagi simpanan luar negara.⁷¹ Di negara barat, peranan bank pusat amat terbatas kepada polisi kewangan untuk kestabilan harga. Manakala di negara membangun pula, ia perlu lebih ke hadapan dalam polisi kewangan. Sistem mata wang dinar adalah satu projek yang perlu kepada perancangan yang teliti dan bank pusat perlu memainkan peranan yang jitu bagi menjayakan projek ini.⁷²

Oleh kerana cadangan penggunaan sistem mata wang dinar ini melibatkan bank pusat sebagai agen pembayar, peranan bank pusat akan bertambah kritikal lagi untuk menjamin mekanisme pembayaran ini supaya lebih efektif dan efisien.⁷³ Kita perlu menilai kembali peranan bank pusat sebagai kastodian bagi rizab luar negara, ini kerana kekuatan rizab luar negara adalah bergantung kepada baki daripada pembayaran. Baki pembayaran ini bermakna sesebuah negara itu mengeksport barangannya lebih daripada import. Masalah utamanya ialah lebihan

⁷⁰ *Ibid.*

⁷¹ Nor Mohamed Yacop (2002), *op.cit.*, h. 6.

⁷² *Ibid.*

⁷³ *Ibid.*, h. 7.

ini perlu dibuat dalam pertukaran asing. Faktor inilah yang menjadikan sistem kewangan barat bertambah pesat.⁷⁴

4.5.9 Peranan Bank Komersial (*Comercial Bank*)

Bank-bank komersial perlu memainkan peranannya di dalam memudahkan pelaksanaan sistem mata wang dinar melalui perdagangan antarabangsa. Konsep bank komersial dalam pelaksanaan ini ialah pembayaran perdagangan akan dinilai dengan dinar melalui *e-currency* yang berasaskan kepada rangka kerja Islam. Sistem pembayaran alternatif tersebut tidak bergantung kepada mata wang simpanan dan tidak menggantikan mata wang utama iaitu ringgit.⁷⁵

Peranan komersial bank dalam perdagangan dua hala ialah semua nilai perdagangan dikira dalam ukuran dinar, dengan kedua-dua negara mempunyai akaun dinar dalam bank pusat masing-masing. Bagi eksport, bank pusat akan membayar kepada pengeksport melalui bank peserta dalam mata wang domestik, dan mendebitkan pembayaran dalam akaun dinar. Manakala import pula melalui proses yang sama dengan eksport, cuma baki perdagangan akan dikreditkan dalam dinar. Bank pusat masing-masing negara akan menyelesaikannya setiap bulan.⁷⁶

Bagi merealisasikan pelaksanaan sistem mata wang dinar, bank komersial juga berperanan untuk mempromosikan dinar dengan memberi keyakinan kepada

⁷⁴ *Ibid*, h. 7-9.

⁷⁵ Raja Dato' Seri Aman Raja Haji Ahmad (2002), "The Role of Commercial Banks in Facilitating The Use of Gold Dinar in Multilateral Trades" (Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Dinar Dalam Perdagangan Pelbagai Hala di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 22-23 Oktober 2002), h. 1.

⁷⁶ *Ibid*, h. 2.

pelanggan mengenai kebaikan dan kelebihan sistem ini. Ia juga perlu kepada operasi yang lebih efisien supaya ia tidak menimbulkan komplikasi terhadap sistem sedia ada. Rangkaian perbankan Islam juga perlu diwujudkan terutamanya di antara negara-negara Islam OIC.⁷⁷

4.5.10 Promosi Perdagangan dengan Negara Timur Tengah

Pelaksanaan sistem mata wang dinar dalam perdagangan antarabangsa mendapat perhatian negara-negara di Timur Tengah. Pada masa ini Malaysia mempunyai hubungan perdagangan dengan 22 negara di Timur Tengah sepanjang 1999-2001.⁷⁸ Nilai perdagangan secara terperinci boleh dilihat dalam rajah 4.5.10 di bawah:

Rajah 4.5.10 Perdagangan Malaysia dengan negara-negar Timur Tengah, 1999-2001 (Nilai dalam RM juta)

	1999	2000	2001
EXPORT	6974.3 (2.17%)	7166.1 (1.92%)	7268.3 (2.17%)
IMPORT	2598.0 (1.05%)	5981.5 (1.92%)	6376.6 (2.27%)
Jumlah perdagangan	9572.3	13147.6 (37.35%)	13644.9 (3.78%)

Sumber :MATRADE, dalam Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Dinar Dalam Perdagangan Pelbagai hala di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 22-23 Oktober 2002), h, 11.

⁷⁷ *Ibid*, h. 3-6.

⁷⁸ Sukandar Abdul Latif (2002), "Promoting Trade With Asian and Middle-Eastern Countries", (Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Dinar Dalam Perdagangan Pelbagai Hala di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 22-23 Oktober 2002), h. 11.

Pasaran utama Malaysia di negara-negara Timur Tengah hanya melibatkan tiga negara utama iaitu Emiriyah Arab Bersatu (UAE), Arab Saudi, dan Mesir.⁷⁹ Malaysia mempunyai potensi yang besar dalam perdagangan dengan negara Timur Tengah ini dari segi produk barangan dan perkhidmatan sebagaimana berikut :⁸⁰

- Barangan elektrik dan produk yang berasaskan elektrik
- Produk berasaskan makanan halal
- Minyak sawit dan produk yang berasaskan minyak sawit
- Produk yang berasaskan kayu
- Produk automotif
- Tekstil dan pakaian
- Produk berasaskan getah
- Alat perhiasan, cenderamata dan alatulis
- Kimia

Walaupun bagaimanapun, nilai perdagangan Malaysia dengan negara-negara di Timur Tengah masih lagi di peringkat rendah jika dibandingkan dengan negara dagangan utama Malaysia iaitu Amerika Syarikat, yang mana jumlah dagangan dengan AS sebanyak 20.24% daripada RM334.42 bilion berbanding dengan Timur Tengah yang hanya RM7.3 bilion daripada eksport global Malaysia.⁸¹ Oleh yang demikian, untuk merealisasikan pelaksanaan sistem matawang dinar, memaksimumkan perdagangan dengan negara-negara di Timur Tengah merupakan langkah bijak agar dapat mengimbangi perdagangan dengan kuasa besar dolar iaitu Amerika Syarikat.

⁷⁹ *Ibid*, h. 13.

⁸⁰ *Ibid*, h. 21.

⁸¹ *Ibid*, 3-11.

4.5.11 Promosi Perdagangan Dengan Negara Asia

Negara-negara Asia menjadi salah satu sasaran utama terhadap pelaksanaan sistem mata wang dinar. Hal yang demikian kerana majoriti daripada perdagangan negara Asia masih lagi berpaksikan kepada Eropah dan negara-negara di Amerika Utara.⁸² Ia memerlukan kepada satu rangkaian perdagangan antara negara-negara Asia ataupun Pusat Perdagangan Asia (ATC). Penciptaan rangkaian tersebut adalah untuk mewujudkan pusat ekonomi baru yang lebih kuat di antara negara-negara Asia.

Satu lagi objektif utama yang mendesak kepada gabungan antara negara-negara Asia ialah kerana ia merupakan komuniti negara yang terbesar di dunia, di mana lebih daripada separuh populasi penduduk dunia adalah datangnya dari Asia. Laporan ekonomi Asia begitu menggalakkan bagi awal 2002 sebagai blok ekonomi yang kukuh di kawasan Asia dan Pasifik.⁸³ Begitu juga kawasan Asia Pasifik juga menunjukkan angka yang paling aktif bagi pengguna-pengguna internet seluruh dunia iaitu sebanyak 27% pada 2004.⁸⁴

Asia merupakan rakan dagangan eksport utama Malaysia bagi Mac 2003, iaitu sebanyak RM8.07 bilion atau 25.2% daripada total eksport Malaysia, iaitu pertambahan sebanyak 17.2% daripada RM6.89 bilion pada Februari 2003.⁸⁵ Oleh itu, kita perlu mengambil peluang yang baik untuk menarik negara-negara rantau

⁸² Adi Sasono (2002), "Promoting Trades Within Asian Countries" (Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Dinar Dalam Perdagangan Pelbagai Hala di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 22-23 Oktober 2002), h. 2.

⁸³ *Ibid.*

⁸⁴ *Ibid.*

⁸⁵ Sila lihat <http://www.matrade.gov.my/about-matrade/media/2003/media-032003-stat03.htm>, 22 Mei 2003.

Asia supaya turut sama menggunakan mekanisme dinar dalam perdagangan antarabangsanya.

Oleh hal yang demikian, dengan wujudnya iklim yang kondusif dan kerjasama daripada semua komuniti yang terlibat, pelaksanaan sistem mata wang dinar dalam perdagangan antarabangsa bakal menjadi realiti. Komitmen daripada pemimpin adalah amat penting bagi pelaksanaannya kerana kejayaan memerlukan satu penyediaan mekanisme yang lebih komprehensif daripada pihak kerajaan. Tidak dinafikan juga, penglibatan pihak swasta adalah tidak kurang pentingnya terutama sekali pihak bank kerana proses pembayaran perdagangan memerlukan komitmen yang padu daripada mereka.

4.6 CABARAN PELAKSANAAN SISTEM MATA WANG DINAR

Sudah menjadi satu resam apabila sesuatu perkara baru diperkenalkan, ianya akan mendapat reaksi yang berbeza daripada banyak pihak. Begitu juga halnya dengan pelaksanaan sistem mata wang dinar. Walaupun sistem mata wang dinar bukan perkara baru dan telah wujud sejak zaman Rasulullah S.A.W. lagi, namun ia dianggap baru kerana sistem yang wujud pada zaman baginda adalah berasaskan bentuk fizikal dinar.

Jika dilihat dalam sistem kewangan antarabangsa, sistem yang bersandarkan kepada emas pernah menjadi amalan bagi sandaran mata wang sesebuah negara, namun ia dianggap satu fenomena baru dalam perdagangan moden kerana sistem yang bakal dilaksanakan adalah untuk mengurangkan

hegemoni dolar AS dalam perdagangan antarabangsa. Tegasnya, proses pelaksanaan mata wang dinar berhadapan dengan cabaran-cabaran yang tidak dapat dielakkan, tetapi cabaran yang timbul perlu dianggap sebagai peluang yang mesti direbut sebagai prospek untuk melaksanakan dinar supaya lebih praktikal.

Apabila kita jadikan mata wang dinar dalam arus perdana, ianya sudah pasti akan mendapat tentangan daripada AS sendiri kerana mata wang dolarnya diketepikan. Jika mata wang dinar dilaksanakan, ianya menjadi ancaman kepada mata wang dunia.⁸⁶ Ia juga berlawanan dengan polisi IMF sendiri sebagaimana kata Jim Sinclair:⁸⁷

"The establishment of a gold-based currency is rebellion against the IMF, as it is distinctly forbidden under IMF rules."

Arab Saudi sendiri menurut sumber bersedia untuk menarik balik depositnya daripada Amerika Syarikat sebagai reaksi kepada pertambahan US\$30 bilion dalam bank Saudi pada bulan September. Satu kebimbangan timbul di Arab Saudi apabila Amerika Syarikat ingin membekukan asetnya sebagai bantahan kepada persetujuan Arab Saudi terhadap penggunaan dinar emas sebagai alternatif kepada dolar.⁸⁸

Walau bagaimanapun, secara realitinya Malaysia merupakan sebuah negara yang berdaulat dan bebas untuk merangka dan melaksanakan apa saja

⁸⁶ Wawancara dengan Profesor Madya Dr. Mohd Daud Bakar, *op.cit*, UIAM.

⁸⁷ Sinclair adalah ketua syarikat perlombongan Tan Range Exploration, Amerika Syarikat. (Lihat secara terperinci dalam Jim Sinclair's MineSet di <http://www.jsmineset.com/s/NewsArchives.asp?ReportID=60293>), 22 Mei 2003.

⁸⁸ Lihat http://www.larouche.org/other/2002/2944gold_dinar.html, 22 Mei 2003.

yang difikirkan baik untuk kemajuan rakyat dan negara. Walaupun kebanyakan perdagangan sekarang banyak menggunakan dolar AS, ia tidak bermakna mata wang lain tidak boleh digunakan, sebagai contoh mata wang Euro ataupun Yen membawa lebih faedah berbanding dolar.⁸⁹

Malaysia dan negara Islam lain juga tidak boleh merasakan bahawa mereka wajib menggunakan satu mata wang sahaja dalam perdagangan. Begitu juga dinar sendiri tidak boleh dianggap pesaing atau ancaman kepada dolar. Ia perlu dianggap sebagai mata wang yang digunakan sama ada dalam perdagangan dua hala ataupun pelbagai hala yang hanya melibatkan negara-negara Islam.⁹⁰ Kita perlu menyokong Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam hal ini yang tegas menyuarakan pendirian Malaysia berhubung isu pelaksanaan sistem mata wang dinar, sebagaimana katanya:⁹¹

"Mahathir, however, is not amused: They (the IMF) said it was against the rules when we introduced our bilateral payments arrangements. We are still using these and our trade with such countries has increased by 400 percent. The IMF can say what they like. They have no say in this country. They need to seek our permission to come here".

Antara cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan sistem mata wang dinar ialah negara kita kekurangan pakar perbankan dan kewangan Islam dan perlu

⁸⁹ Lihat <http://www.ikim.gov.my/ar02-nst22.htm>, 22 Mei 2003.

⁹⁰ *Ibid.*

⁹¹ Lihat <http://www.muslimlawyers.net/news/index.php3?aktion=show&number=177>, 22 Mei 2003.

kepada penubuhan satu institusi penyelidikan perbankan dan kewangan Islam bagi melatih tenaga pakar supaya dapat direalisasikan satu sistem yang berteraskan Islam sepenuhnya dan dapat menjamin keadilan. Dengan ini ianya dapat menarik mereka yang bukan Islam supaya mendekati Islam sebagai agama yang menjamin keadilan terhadap dunia.⁹²

Satu lagi cabaran dalam pelaksanaan sistem mata wang dinar ialah bagaimana caranya untuk meyakinkan negara lain terhadap faedah penggunaan dinar dalam perdagangan antarabangsa terutamanya kepada negara Islam sendiri sebagai permulaannya. Jika krisis keyakinan dapat diatasi maka pelaksanaannya menjadi lebih mudah dan efektif. Walau bagaimanapun, pada peringkat awal pelaksanaannya lebih kepada '*bilateral trade*' sahaja dan apabila ianya mendapat kepercayaan, ia akan diteruskan dengan '*multilateral*' trade pula.

Oleh kerana nilai perdagangan antara negara Islam masih lagi kecil, satu mekanisme perlu dicari untuk meningkatkan perdagangan di antara negara-negara Islam terutamanya bagi perdagangan timbal-balik (*Intra-Trade*). Ini kerana untuk merealisasikan penggunaan dinar, ia memerlukan komitmen yang padu daripada negara Islam sendiri supaya dapat menambahkan jumlah perdagangan mereka bagi menyaingi perdagangan global yang jauh lebih banyak jumlahnya.

Profesor Madya Dr. Ahamed Kameel Mydin Meera dalam Bukunya *The Islamic Gold Dinar* menyenaraikan beberapa cabaran utama dalam pelaksanaan sistem matawang dinar sebagaimana berikut:⁹³

⁹² Wawancara dengan Tuan Haji Nik Mustapha Haji Nik Hassan, *op.cit*, IKIM.

⁹³ Ahamed Kameel Mydin Meera (2002), *op.cit*, h. 98.

- 1- Amerika Syarikat menjadi salah sebuah kuasa tunggal dunia selepas daripada tamatnya perang dingin. Dolar AS memainkan peranan utama sebagai mata wang antarabangsa. Oleh itu, pengenalan kepada sistem yang berasaskan kepada emas menjadi ancaman kepada dolar, ia bergantung kepada bagaimana reaksi Amerika terhadap pelaksanaan sistem ini.
- 2- Mungkin terdapat cubaan untuk menggagalkan sistem ini. Ini kerana sistem kewangan yang berasaskan wang fiat hanya menguntungkan golongan minoriti sahaja, komuniti ini akan cuba untuk mensabotaj sistem ini. Sebagai contoh mereka akan memainkan bekalan dan permintaan emas global untuk memanipulasikan harganya di pasaran.
- 3- Kejayaan sistem ini amat bergantung kepada pertambahan jumlah pengguna terhadap emas sebagai mata wang. Keadaan seumpama ini memerlukan pendidikan dan pasaran.
- 4- Bagi permulaan dalam pelaksanaan dwi-sistem iaitu wang fiat dan dinar mungkin membawa masalah sekiranya seseorang itu menyimpan dalam wang fiat dan menukar kepada dinar. Pada masa itu, akan berlaku arbitraj⁹⁴ antara wang fiat dan dinar.

⁹⁴ Arbitraj ialah penjualan dan pembelian sesuatu sekuriti atau aset pada masa yang sama dalam pasaran sekuriti atau aset yang berlainan sebagai mengambil kesempatan daripada perbezaan harga antara kedua-dua pasaran ini, misalnya perbezaan harga akibat daripada perbezaan nilai tukaran matawang. (Kamus Kewangan (1996), *op.cit*, h. 11.

4.7 KESIMPULAN

Bermula pertengahan 1997 Asia dikejutkan dengan satu krisis ekonomi yang amat kritikal yang menyebabkan mata wangnya jatuh begitu teruk akibat daripada permainan manipulasi dan spekulasi mata wang di pasaran antarabangsa. Malaysia juga tidak ketinggalan mengalami krisis yang sama selepas Indonesia, Thailand, dan Filipina. Mata wang kita merudum ke paras RM5 berbanding dengan US\$1, yang mana sebelum ini nilai matawang Malaysia kekal pada paras RM2.50 berbanding US\$1. Krisis yang sedemikian memaksa negara kita mengambil langkah perlu untuk membendung masalah tersebut daripada terus membelenggu ekonomi negara.

Oleh yang demikian, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah melaksanakan dasar menetapkan nilai ringgit kepada RM3.80 bagi US\$1 pada tahun 1998. Strategi penetapan ini telah berjaya merangsang semula ekonomi negara dan meyakinkan semula para pelabur untuk terus melabur di Malaysia. Satu lagi kejayaan besar negara ialah berjaya mengelakkan diri daripada dibelenggu pinjaman IMF yang ternyata lebih membawa kesengsaraan terhadap peminjamnya sebagaimana yang berlaku terhadap negara jiran Indonesia.

Hegemoni dolar dalam perdagangan antarabangsa juga merupakan faktor utama kepada krisis mata wang kerana ia melibatkan pertukaran asing, tambahan pula ia tidak mempunyai sandaran. Ini menyebabkan ianya tidak stabil dan terdedah kepada spekulasi dan manipulasi di pasaran. Oleh itu, kerajaan Malaysia dengan inisiatif yang bersepadu melalui pakar-pakar ekonomi telah

mengemukakan cadangan supaya hegemoni dolar terhadap perdagangan dikurangkan dan digantikan dengan alternatif baru melalui sistem mata wang dinar. Menurut Perdana Menteri, dengan pelaksanaan sistem mata wang dinar, pembayaran perdagangan antarabangsa tidak akan melibatkan pertukaran terhadap mata wang domestik iaitu ringgit.

Begitu juga pembayaran perdagangan tidak melibatkan penggunaan dan penghantaran sejumlah mata wang dinar dalam bentuk fizikalnya, bahkan ia menggunakan mekanisme yang lebih efisien melalui talian internet. Cadangan ini pada permulaannya sebagai promosi perdagangan dengan negara-negara Islam (OIC) melalui dua mekanisme utama iaitu pembayaran perdagangan dua hala (*Bilateral Payment Arrangement-BPA*) dan pembayaran perdagangan pelbagai hala (*Multilateral Payment Arrangement-MPA*). Walau bagaimanapun, sebagai permulaan ianya memerlukan kepada penyertaan dua negara yang berdagang. Apabila ia mendapat kepercayaan dan keyakinan, ianya diteruskan kepada MPA dengan jumlah dagangan yang lebih besar kerana ia melibatkan pelbagai negara.

Prospek pelaksanaan sistem mata wang dinar begitu cerah untuk dilaksanakan dalam masa yang terdekat. Ia adalah kerana segala prasarana yang berkaitan pelaksanaannya sudah pun sedia ada. Antara faktor yang menjadikan prospek pelaksanaan mata wang dinar cerah ialah melalui komitmen yang padu daripada kerajaan sendiri yang benar-benar ingin melaksanakan dan merealisasikan satu sistem yang membawa keadilan kepada dunia. Komitmen tersebut boleh dilihat melalui penganjuran seminar-seminar mengenai mata wang dinar, sama ada di peringkat domestik mahupun antarabangsa. Objektif utama

seminar tersebut adalah untuk bertukar-tukar pendapat di antara pakar-pakar bagi merealisasikan dinar di peringkat antarabangsa. Ia juga bertujuan memberi keyakinan kepada peserta tentang kemampuan sistem mata wang dinar untuk menerajui perdagangan antarabangsa dengan lebih adil dan saksama.

Seterusnya dalam proses pembayaran kerajaan telah menyediakan dua mekanisme utama iaitu BPA dan MPA sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini. Oleh sebab kepesatan teknologi maklumat (IT) amat mempengaruhi pasaran, inisiatif yang berkesan telah diambil untuk membolehkan urusan pembayaran lebih efektif dan efisien. Pembayaran perdagangan lebih mudah dengan adanya teknologi terkini melalui internet. Antara aplikasi-aplikasi dalam talian yang telah sedia ada memberi perkhidmatannya ialah e-dinar, e-gold, e-money, GoldMoney, e-qirad dan sebagainya lagi.

Ianya diharap menjadi lebih relevan lagi apabila terdapat iklim perundangan yang kondusif untuk pelaksanaan sistem ini iaitu Akta Bank Pusat Malaysia 1958 (CBMA), Akta Institusi Kewangan dan Perbankan 1989 (BAFIA), Akta Kawalan Pertukaran 1953 (ECA), Notis Kawalan Pertukaran Malaysia (ECM notis), dan Akta Pertukatan Wang 1998 (MCA). Pelaksanaan sistem matawang dinar melibatkan akta-akta di atas. Walau bagaimanapun, akta-akta tersebut tidak menghalang kelicinan proses pelaksanaan sistem mata wang dinar. Kerjasama daripada Bank Negara Malaysia juga merupakan satu peluang yang perlu direbut kerana ia merupakan badan yang mempunyai kuasa terhadap segala aspek yang bersangkutan dengan perbankan dan kewangan. Begitu juga perlu kepada kerjasama daripada bank-bank komersial bagi menjayakan projek ini.

Peranan yang lebih berkesan daripada IFSB sendiri perlu dipertingkatkan untuk menjamin sistem kewangan Islam berjalan dengan lebih lancar dan berkesan. Kewujudannya juga dianggap sebagai perangsang kepada institusi-institusi Islam yang lain. Selain daripada promosi kepada negara-negara Timur Tengah, pelaksanaan sistem tersebut juga diharap mendapat sambutan yang hangat daripada negara-negara Asia juga kerana ia berpotensi untuk menjadi blok dagangan yang kukuh pada masa hadapan bagi mengimbangi blok perdagangan barat.

Hasil perbincangan dengan ahli-ahli akademik dan cendekiawan Islam membuktikan bahawa pelaksanaan sistem mata wang dinar dalam perdagangan antarabangsa bukan sesuatu yang mustahil dan ianya akan menjadi realiti dalam masa yang terdekat. Ia akan menjadi realiti sekiranya mendapat komitmen yang padu daripada negara Islam sendiri pada peringkat permulaan supaya ianya mendapat keyakinan dan kepercayaan kepada negara-negara lain. Pelaksanaan sistem mata wang dinar juga tidak perlu gopoh dan gelojoh kerana kegagalan sistem ini bermakna gagalnya sistem Islam untuk mempraktikkan sistem yang lebih adil dalam sistem ekonomi moden. Identiti yang baik bersesuaian dengan Islam perlu diterapkan supaya ianya menjadi tarikan kepada yang lain untuk mempraktikkan Islam dalam segala aspek kehidupan mereka.

Walau bagaimanapun, setiap sesuatu itu pasti mempunyai pro dan kontranya berdasarkan kepentingan masing-masing dalam pelbagai aspek. Bagi mereka yang sudah bergelumang dengan sistem kapitalis, sistem mata wang dinar dianggap mengancam kedudukan mereka. Manakala mereka yang teraniaya

dengan sistem kapitalis dengan tangan terbuka menerima sistem tersebut sebagai alternatif yang akan mengubah pendapatan ekonomi mereka. Sistem kapitalis hanya menguntungkan golongan minoriti sahaja kerana sistemnya berasaskan merampas kekayaan ekonomi negara-negara yang telah sedia miskin.

Oleh yang demikian, dalam pelaksanaan sistem ini, kita tidak dapat lari daripada menempuh cabaran demi melihat satu sistem yang lebih adil terlaksana. Cabaran utama terhadap pelaksanaannya muncul daripada IMF dan Bank Dunia sendiri yang mengatakan bahawa sistem mata wang dinar melanggar peraturan kewangan antarabangsa. Hal yang demikian adalah kerana sistem yang dipraktikkan dalam perdagangan antarabangsa menggunakan transaksi yang telah menjadi dominan di seluruh dunia iaitu dengan berasaskan mata wang dolar AS. Tekanan terhadap pelaksanaannya juga mungkin timbul daripada pihak AS sendiri kerana pelaksanaan sistem tersebut akan mengurangkan perdagangan dengan negaranya. Ia juga dianggap ancaman terhadap dolar pada persada perdagangan antarabangsa.

Walau bagaimanapun, sebagai negara yang berdaulat, mana-mana negara tidak boleh untuk masuk campur dalam pentadbiran negara dalam apa jua bentuk sekalipun. Kita perlu tegas dalam pelaksanaannya kerana hanya dengan komitmen sahaja ianya akan berjaya. Segala cabaran yang timbul perlu dianggap sebagai peluang bukannya halangan. Dengan demikian, keyakinan akan timbul bahawa pelaksanaan sistem mata wang dinar tidak akan menimbulkan apa-apa masalah kerana kita sudah bersedia untuk menghadapi segala masalah yang timbul kesan daripada pelaksanaan sistem mata wang dinar.